

**Pemimpin Pas tidak fikir panjang mahu jual Putrajaya - Dr.M
Utusan Online
14 APRIL 2013**

PENDANG 13 April - Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan pemimpin pembangkang sebagai bercakap tanpa berfikir panjang apabila mengatakan tetap akan menjual Putrajaya jika ada pihak yang berminat untuk membelinya.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, dahulu pembangkang tanpa segan silu berjanji Putrajaya akan dilelong jika mereka memerintah tetapi sekarang mereka mengetahui bahawa kawasan itu diiktiraf dunia sebagai ibu kota negara ini.

Beliau berkata, pembangkang tidak akan menjual Putrajaya kerana mereka kini berebut hendak ke kawasan tersebut.

"Itu tidak betul, dahulu mereka nak lelong tetapi sekarang masing-masing berebut. Hadi (Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang) berebut, Anwar (Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim) pun berebut, semua berebut nak pergi ke Putrajaya.

"Jadi macam mana nak lelong. Mereka ini bila cakap tidak fikir panjang," katanya kepada pemberita selepas Majlis Himpunan Rakyat di Dataran Pendang di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah PRU-13 BN Parlimen Pendang, Datuk Rozai Shafian; Naib Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak), Datuk Othman Abdul dan pemimpin-pemimpin parti komponen BN.

Calon Pas, Datuk Husam Musa hari ini dilaporkan berkata, pembangkang tetap akan menjual Putrajaya jika ada pihak yang berminat untuk membelinya.

Naib Presiden Pas itu berkata, walaupun Putrajaya bukan sebuah bandar besar tetapi pembangkang amat teruja untuk menakluki pusat pentadbiran itu.

Mengenai hasrat Husam mahu bertemunya untuk minum kopi bersama-sama di Yayasan Kepimpinan Perdana dan menyampaikan pesanan supaya beliau berhenti daripada mengeluarkan kenyataan, Dr. Mahathir mempersoalkan sikap pembangkang yang kononnya memperjuangkan hak kebebasan bersuara.

"Saya cuma mengamalkan kebebasan bersuara. Nak suruh tutup mulut saya pasal apa? Ini belum jadi kerajaan sudah hendak ada *sensor*. Esok kalau jadi kerajaan siapa lawan cakap mereka mungkin kena tangkaplah," katanya.

Ditanya mengenai spekulasi beliau akan menentang Husam merebut kerusi Parlimen Putrajaya pada PRU-13, Dr. Mahathir menegaskan tidak mempunyai keinginan untuk berbuat demikian.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau pernah menyatakan tidak berhasrat untuk kembali dalam politik termasuk bertanding dalam pilihan raya umum dan tidak akan menarik balik keputusannya itu.

Katanya, beliau menjelajah ke seluruh negara dengan aktif berkempen bagi UMNO dan Barisan Nasional (BN) kerana mahu membalas budi parti itu yang membantunya sehingga menjadi Perdana Menteri.

"Saya sudah buat keputusan, saya tidak akan berpatah balik. Saya tiada niat hendak bertanding atau menjadi pemimpin lagi," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130414/px_07/Pemimpin-Pas-tidak-fikir-panjang-mahu-jual-Putrajaya---Dr-M#ixzz2a02jVc2W

© Utusan Melayu (M) Bhd